

07 DEC 1999

Hamid-Israel

MALAYSIA TIDAK PERNAH MINTA BANTUAN INDONESIA JALIN HUBUNGAN DGN ISRAEL

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Malaysia hari ini menafikan laporan sebuah majalah luar negeri bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta bantuan presiden Indonesia Abdurrahman Wahid untuk menjadi orang tengah bagi "membantu merapatkan hubungan Malaysia dengan Israel".

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata tiada kebenaran dalam kenyataan itu, yang didakwa dibuat oleh Abdurrahman kerana Perdana Menteri tidak pernah meminta bantuan Indonesia atau sesiapa pun berhubung isu itu.

"Malahan, isu Malaysia menjalinkan hubungan dengan Israel tidak pernah dibangkitkan oleh Perdana Menteri Malaysia kepada Presiden Abdurrahman Wahid semasa presiden itu melawat Malaysia mulai 6 hingga 7 Nov 1999.

"Malaysia membantah sekeras-kerasnya kenyataan Presiden itu jika laporan berkenaan adalah benar," katanya kepada pemberita di Wisma Putra di sini.

Beliau mengulas laporan Far Eastern Economic Review (FEER) dalam ruangan pintar terbitan 9 Dis, yang memetik Presiden Abdurrahman Wahid sebagai berkata bahawa Perdana Menteri Malaysia telah meminta beliau "menjadi orang tengah" dan "membantu merapatkan hubungan Malaysia dengan Israel".

Syed Hamid mengulangi bahawa pendirian Malaysia terhadap Israel tetap tegas dan persoalan mengenai penglibatan pihak ketiga tidak timbul.

"Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik atau tidak formal dengan Israel sehingga dan kecuali satu penyelesaian menyeluruh terhadap masalah Asia Barat dicapai," katanya.

Beliau berkata jika kenyataan yang dibuat Abdurrahman adalah benar, Malaysia membantah keras terhadap kenyataan itu kerana Malaysia tidak pernah berkata demikian.

Katanya kementerian telah memanggil kuasausaha Indonesia di sini dan menyatakan rasa kesal terhadap laporan itu dan Duta Malaysia di Jakarta turut diminta mengunjungi Menteri Luar Indonesia bagi menyatakan kekesalan itu kerana Malaysia memandang serius perkara itu.

Ditanya mengapa Abdurrahman membuat kenyataan itu, jika laporan itu benar, Syed Hamid berkata "Saya tidak boleh baca fikirannya. Tetapi, apa yang saya boleh katakan ialah apa yang kita tidak kata, apa yang kita tidak minta, apa yang kita tidak tanya. Mengapa beliau buat kenyataan itu, saya rasa anda perlu tanya kepada beliau."

Mengenai satu lagi kenyataan Abdurrahman bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia lebih banyak meluangkan masa di padang-padang golf, Syed Hamid berkata beliau tidak mahu membuat sebarang ulasan berhubung pemimpin sebuah negara lain.

"Saya rasa beliau berhak menyatakan apa yang difikirkannya betul atau salah tetapi jika ia melibatkan negara lain, adalah menjadi tugas kita untuk memastikan rakyat kita diberi maklumat yang betul dan tidak dikelirukan oleh kenyataan yang dibuat di sebuah negara asing," katanya.

Syed Hamid berkata semasa beliau bertemu Abdurrahman di Manila baru-baru ini, beliau bertanya perkara itu kepada Abdurrahman dan presiden itu menafikan membuat kenyataan sedemikian.

"Malahan, katanya kenyataannya itu lebih berbentuk pujian...katanya menteri-menteri Malaysia, di padang golf pun berbincang tentang dasar-dasar negara atau menyelesaikan masalah," kata beliau.

Syed Hamid juga berkata bahawa kementerian telah menghantar surat kepada semua misi luar negeri di negara ini untuk memaklumkan mereka bahawa Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan misi asing memberi bantuan moral dan kewangan kepada parti-parti politik tempatan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan parti-parti itu.

"Kami menganggap aktiviti seperti ini tidak boleh diterima dan merupakan satu bentuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

NHD NAK